

02 SEP 1998

Anwar-Lucut

ANWAR DILUCUTKAN JAWATAN TIMBALAN PM DAN MENTERI KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim telah dilucutkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan berkuatkuasa pukul 5.30 petang ini, demikian diumumkan Jabatan Perdana Menteri.

Kenyataan tiga perenggan yang dikeluarkan lewat petang ini menyatakan Yang di-Pertuan Agong telahpun dimaklumkan mengenai perlucutan jawatan berkenaan.

Kenyataan itu berkata Anwar juga telah dilucutkan daripada jawatan-jawatan yang dipegangnya selaku timbalan perdana menteri dan menteri kewangan.

Tiada ulasan segera mengenainya diperolehi daripada Anwar yang dipercayai berada di kediaman rasminya di Bukit Damansara.

Lebih daripada 100 wartawan dan jurugambar tempatan dan asing telah berkumpul di pintu pagar pekarangan kediaman beliau sejak awal petang ini apabila tersebar cakap-cakap bahawa Anwar mungkin meletak jawatan.

Dipercayai bahawa surat pelucutan jawatannya itu disampaikan kepada Anwar di kediamannya oleh seorang pegawai tinggi kerajaan kira-kira pukul 7 malam ini.

Anwar, 51, dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri pada 1 Dis 1993, menggantikan Tun Ghafar Baba.

Anwar, yang telah menempa nama sebagai seorang pemimpin pelajar yang radikal pada awal 1970-an, dibawa ke dalam kerajaan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1982.

Bermula dengan pelantikan sebagai timbalan menteri, Anwar kemudian dinaikkan pangkat kepada menteri penuh, dengan memegang beberapa portfolio daripada Kebudayaan, Belia dan Sukan ke Pertanian, ke Pendidikan sehinggalah Kewangan.

Anwar juga mencapai peningkatan yang meteorik dalam Umno selepas memenangi jawatan Ketua Pemuda dengan majoriti 10 undi daripada Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin pada 1982, tahun beliau menyertai kerajaan.

Beliau mengekalkan jawatan itu pada pemilihan parti yang berikutnya, dan seterusnya memenangi satu daripada tiga jawatan Naib Presiden pada 1987.

Anwar dipilih semula sebagai Naib Presiden dengan jumlah undi terbanyak pada pemilihan parti yang berikutnya pada 1990 dan menjadi Timbalan Presiden pada 1993 apabila Ghafar mengundur diri.

Pada 1996, Anwar sekali lagi mengekalkan jawatan Timbalan Presiden Umno tanpa pertandingan.

Anwar ialah anggota Parlimen bagi kawasan Permatang Pauh di Pulau Pinang, kawasan yang pernah diwakili oleh bapanya, Datuk Ibrahim Abdul Rahman.

Lepasan Universiti Malaya ini menerima pendidikan menengahnya di Kolej Melayu Kuala Kangsar, sekolah elit yang melahirkan ramai di antara pemimpin kerajaan dan bidang perniagaan.

Anwar telah berkahwin dengan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan mereka mempunyai enam orang anak.

-- BERNAMA

SJ NMO